

☒	Utusan Malaysia
☐	Mingguan Malaysia
Tarikh: 6/1/2010	
Hari: RABU M/S: 11	
Ruangan: RENCANA	



Memahami tanggungjawab wakil rakyat

Oleh MALIKE BRAHIM

SEBELUM ini, tidak banyak pihak mengambil berat tentang kehadiran wakil rakyat di Dewan Rakyat (Parlimen) sehinggalah Barisan Nasional (BN) mengalami detik cemas semasa proses meluluskan Bajet 2010.

Kegagalan ahli Parlimen BN mendirikan diri menyebabkan hanya 66 undi menyokong berbanding dengan 63 undi pembangkang menolaknya. Selepas itu, barulah pelbagai macam suara, kritikan, cadangan dan tidak kurang pula yang mahu wakil rakyat BN yang terlibat diambil tindakan tegas.

Bermula dari situ, lebih banyak pihak menyalahkan wakil rakyat kerana tidak hadir dalam sesi perbahasan tersebut. Apa yang sering diperdebatkan dan diwar-warkan di media massa lebih kepada mencari jalan untuk 'mendenda' wakil rakyat yang ponteng dan bagaimana 'memaksa' mereka hadir. Sebaliknya, amat kurang pihak cuba memahami peranan wakil rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen dan kaitannya dengan kaedah *simple majority* yang diamalkan di negara ini.

Dalam sistem demokrasi berparlimen, pilihan raya merupakan kaedah pemilihan pemimpin dan seterusnya pembentukan kerajaan. Dalam hal ini, kaedah *simple majority* digunakan dalam dua keadaan. Pertama, digunakan untuk mengira undi bagi menentukan calon yang akan memenangi kerusi yang dipertandingkan walaupun hanya dengan kelebihan satu undi. Mandat yang diperoleh itu adalah amanah rakyat dan wakil rakyat perlu memikul tanggungjawab sebagai perwakilan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan sebaik-baiknya.

Kedua, kaedah *simple majority* digunakan dalam menentukan parti mana yang boleh menubuhkan kerajaan. Ini boleh dilihat dalam keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. Walaupun BN gagal memperoleh majoriti dua pertiga daripada 222 kerusi Parlimen, namun ia berhak menubuhkan kerajaan. Bagaimanapun, kerajaan yang memiliki majoriti kecil tidak kukuh. Jika ada wakil rakyat melompat parti atau tidak lagi menyatukan sokongan, kerajaan itu akan hilang majoriti dan perlu ditukar.

Selain membahaskan usul dan rang undang-undang di Parlimen atau DUN, peranan wakil rakyat adalah menubuhkan kerajaan. Peranan itu perlu diterima oleh semua individu khususnya dalam sistem demokrasi. Wakil rakyat juga berperanan sebagai wakil kerajaan walaupun tidak memegang jawatan dalam Kabinet.

Adakalanya mereka akan dipanggil untuk menjadi duta ke luar negara dan wakil kerajaan dalam mana-mana persidangan. Justeru itu, peranan wakil rakyat semakin bertambah dan tidak lagi terhad di Parlimen atau DUN sahaja, bahkan mereka juga terlibat dalam soal pentadbiran atau dalam bidang kuasa eksekutif. Ini ada hubungkait dengan doktrin percantuman kuasa yang diamalkan dalam sistem demokrasi berparlimen.

Bertitik tolak daripada pendekatan *simple majority* kepada doktrin percantuman kuasa, ia masih tidak mampu untuk memberikan kefahaman yang jelas tentang peranan wakil rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen.

Jika peranan wakil rakyat hanya sekadar di Parlimen atau memegang jawatan eksekutif (Kabinet), ia senang difahami. Tetapi, adakalanya wujud persepsi dan perspektif berbeza mengenai peranan wakil rakyat. Bagi rakyat, peranan dan tugas wakil rakyat hendaklah sentiasa bersama rakyat.

Mereka perlu datang meninjau sendiri apa masalah yang dialami oleh rakyat. Sedia menghulurkan bantuan bukan sekadar tenaga, tetapi wang ringgit. Wakil rakyat perlu sanggup bersama-sama rakyat misalnya menghadiri majlis kenduri kendara, keramaian, kematian, dan sebagainya. Adakah itu tugas wakil rakyat? Adakah itu akan dijadikan ukuran oleh kerajaan untuk menentukan tahap pencapaian atau KPI wakil rakyat?

Hakikatnya, itu bukan tugas dan peranan wakil rakyat. Semua itu sekadar kerelaan mereka untuk bersama rakyat dan menyelami apa yang dialami oleh masyarakat. Peranan wakil rakyat adalah membahas, membincang dan menyuarakan apa yang berlaku dalam masyarakat di Parlimen atau DUN, selain menyokong dan meluluskan rang undang-undang dan dasar yang dibentangkan.

Untuk membaca artikel ini sepenuhnya, dapatkan *Pemikir* terbitan Januari-Mac 2010 yang kini berada di pasaran.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.